

Pelik lari bersendirian

Palembang: “Rasa pelik juga berlari seorang diri. Saya belum pernah ada pengalaman sebegini. Ini kali pertama,” kata Ahmad Luth Hamizan (**gambar**) pemenang emas acara 3,000 meter berhalangan temasya Sukan Universiti Asean (AUG) 2014.

Ahmad Luth, 22, dari Kampung Sentosa, Ampangan, Negeri Sembilan mencatat 9m 40s pada temasya kali ini dan dia adalah juara bertahan acara berkenaan.

Di Stadium Olahraga Jakabaring semalam, Ahmad Luth bersaing dengan atlet tuan rumah, Ferdi Irianto dan lawannya itu menarik diri pada pusingan ketiga.

“Saya tidak tahu hanya kami berdua bertanding dalam acara ini. Begitupun, saya tetap menumpukan perhatian kerana mahu mencatat masa terbaik tahunan.

“Pesaing saya (Ferd) menarik diri mungkin akibat kecederaan pada pusingan ketiga dan ada seseorang yang berdiri di tepi trek yang memberitahu saya.

“Selepas itu, saya cuma me-

numpukan perhatian untuk menamatkan acara. Itu saja. Impian mencatat masa terbaik juga tidak kesampaian kerana tiada saingan,” katanya.

Penuntut jurusan Pendidikan Jasmani di Universiti Putra Malaysia (UPM) itu pernah beraksi di Sukan SEA Palembang 2011 dan mendapat tempat kelapan.

Hari ini, Ahmad Luth akan turun sekali lagi untuk mengharungi acara 5,000m.

Sementara itu, Malaysia menambah satu lagi emas menerusi acara lempar cakera lelaki.

Muhammad Irfan Shamsuddin yang bertanding buat kali pertama di AUG, melakar catatan

53.63m sekali gus mengatasi pesaing terdekat dari Thailand, Narong Benjaroon yang mencatat 51.08m. Atlet Indonesia, Hardodi Sihombing memenangi gangsa dengan lemparan 45.45m.

Skuad olahraga turut memperolehi dua gangsa menerusi Yap Sean Yee (lompat tinggi wanita) dan Luqman Hakim Ramlan (lompat tinggi lelaki).

FAKTA
Dua atlet sertai
3,000m
berhalangan

